

Laporan CSR Kumpulan Lintec 2013



Linking your dreams
LINTEC Corporation



Mempertahankan CSR dengan keikhlasan dan bersikap proaktif terhadap kreativiti — kedua-dua unsur ini juga penting untuk kegiatan-kegiatan CSR.

Sejak saya memegang jawatan presiden dalam tahun 2004, saya telah menggalakkan tanggungjawab sosial korporat (CSR) sebagai dasar pengurusan dan saya juga telah berusaha mengembangkan kesedaran ini di dalam Lintec. Bagaimana sekalipun masa berubah, kecuali kalau sesebuah syarikat memperoleh keyakinan masyarakat, syarikat itu tidak akan dapat mencapai pertumbuhan yang kekal. Dalam tahun-tahun kebelakangan ini, kesedaran pekerja Lintec terhadap kegiatan-kegiatan CSR semakin meningkat, yang mana telah membuat saya berasa positif.

Lintec ditadbir berdasarkan moto syarikat iaitu "Keikhlasan dan Kreativiti". Dua kosa kata ini juga menggambarkan pendekatan syarikat terhadap CSR. "Keikhlasan" dalam menjalankan semua kerja secara jujur bererti bukan sahaja memastikan pematuhan dalam kegiatan-kegiatan dunia perniagaan, tetapi juga mempunyai kesedaran moral dan etika, dan sentiasa terus memupuk kesedaran seumpama ini. "Kreativiti" mencari cara yang bijak untuk membaiki sesuatu bererti mengenalpasti isu-isu CSR dalam diri sendiri dan menggunakan teknologi serta pengetahuan diri sendiri dan mula bertindak berusaha menyelesaikan masalah tersebut. Kedua-dua kosa kata moto Lintec ini, setiap satunya merupakan pendirian mempertahankan diri serta proaktif, dan menggalakkan wujudnyaimbangan yang baik di antaranya adalah pendekatan asas Lintec terhadap CSR.

Dalam usaha untuk menggalakkan CSR, Lintec berusaha dengan penuh komitmen untuk memajukan kegiatan-kegiatan korporat ke arah pengurusan dorongan CSR. Ini merupakan sebahagian daripada usaha untuk mengukuhkan pengurusan sejagat, iaitu inisiatif utama di dalam rancangan perniagaan peringkat pertengahan, LINTEC


Innovation Plan III (LIP-III). Syarikat telah berusaha dengan lebih bersungguh-sungguh lagi dalam membentuk rangka kerja untuk mencapai matlamat ini, dan Pertemuan CSR adalah sebahagian daripada usaha ini. Dalam usaha untuk mengaplikasikan CSR di dalam kegiatan-kegiatan perniagaan harian, adalah penting untuk mewujudkan suasana di mana pekerja Lintec boleh berbincang mengenai isu-isu sosial yang berkaitan pada setiap hari. Idea-idea organisasi bersilang adalah penting bagi kegiatan-kegiatan CSR, dan ia adalah perlu untuk bekerjasama di dalam dunia perniagaan dan batas-batas bahagian secara menyeluruh. Maka dengan itu, Lintec telah memperkenalkan Pertemuan CSR untuk mendedahkan peluang-peluang supaya dapat berkomunikasi seperti ini. Setelah melaksanakannya, pertama di Jepun, kami juga berhasrat untuk mengembangkannya ke syarikat-syarikat di luar negeri.

Selari dengan perkembangan dunia perniagaan di luar Jepun, kami akan mengglobalisasikan usaha-usaha CSR kami sebagai asas pendekatan pengurusan.

Di bawah rancangan perniagaan peringkat pertengahan, Lintec telah menetapkan matlamat kadar jualan di luar negeri sebanyak 40%, dan ia bermatlamat untuk mengembangkan lagi perniagaannya di luar Jepun. Maka dengan itu, kami juga mesti mengglobalisasikan usaha-usaha CSR kami sebagai asas pendekatan pengurusan. Dalam bulan April 2011, Lintec telah menyertai Perjanjian Global Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Ini adalah kerana keinginan kami untuk membantu mengemukakan isu-isu sejagat berkaitan dengan hak asasi manusia, standard tenaga buruh, dan perlindungan alam sekitar.

Walaupun dalam bidang sumber-sumber kemanusiaan dan latihan, tanggapan sejagat bagi menghormati perbezaan menjadi semakin penting.

Kegiatan-kegiatan CSR sudah tentu tidak lain dan tidak bukan merupakan penerapan moto syarikat iaitu “Keikhlasan dan Kreativiti”. Saya akan terus berusaha bersama pekerja-pekerja Lintec di seluruh dunia untuk memastikan Lintec kekal menjadi sebuah syarikat yang dipercayai oleh masyarakat.



Akihiko Ouchi

President and CEO
LINTEC Corporation

Semasa melawat kawasan Lintec di luar Jepun, saya cuba berkomunikasi dengan pekerja-pekerja tempatan seberapa ramai yang mungkin, yang mana telah membantu saya menyedari bahawa nilai-nilai budaya begitu berbeza sekali di seluruh dunia. Dengan menghormati nilai-nilai yang berbeza ini, kami boleh membina tempat bekerja yang dapat membantu semua pekerja, yang memegang peranan sebagai sumber idea-idea yang merupakan harta karun bagi syarikat. Kami akan terus menggalakkan perspektif sejahtera dan membina suasana tempat bekerja yang menyokong setiap orang, sementara membaiaki rancangan demi membantu pekerja-pekerja wanita menjadi lebih berkuasa.

Kami juga sedang mengglobalisasikan hubungan kami dengan pembekal-pembekal. Kegiatan-kegiatan CSR melibatkan lebih banyak lagi dan bukan hanya Lintec. Dalam usaha untuk menggalakkan kegiatan-kegiatan CSR dengan rakan niaga, kami merancang untuk mengadakan taklimat-taklimat CSR dan menjalankan kaji selidik CSR untuk pembekal-pembekal.

Sebagai satu initiatif persekitaran global, kami sedang berusaha untuk mendapatkan pengiktirafan integrasi global ISO14001. Dalam tahun fiskal 2012, dua lagi syarikat di luar negeri telah disahkan, ini bererti jumlah kawasan yang disahkan di seluruh dunia menjadi 19. Matlamat pengurangan CO₂ dalam satu tahun telah didekah dalam tahun fiskal 2013. Walau bagaimanapun, mulai tahun fiskal 2014, matlamat pengurangan CO₂ akan didekahkan sebagai matlamat peringkat pertengahan di bawah rancangan perniagaan peringkat pertengahan.

Menggalakkan kegiatan-kegiatan CSR dengan menggabungkan kekuatan semua pekerja, dan bermatlamat untuk mencapai pertumbuhan yang kekal.

Selari dengan usaha menggalakkan kegiatan-kegiatan CSR secara global, kami akan meningkatkan lagi daya usaha asas seperti

menggalakkan tempat-tempat bekerja yang selamat. Sebagai contoh, saya sering menjalankan rondaan pengurusan atan untuk memeriksa sendiri keadaan-keadaan keselamatan di Pusat Penyelidikan kita dan juga di loji-loji di seluruh dunia, sebagai sebahagian daripada pengurusan kesihatan dan keselamatan pekerjaan Kumpulan Lintec. Dalam tahun fiskal 2012, saya telah memeriksa sebanyak 24 kawasan di 14 buah negara. Saya akan terus menjalankan rondaan ini setiap tahun dan melawat kawasan-kawasan pengeluaran. Pemeriksaan ini telah meningkatkan kesedaran di kalangan barisan depan terhadap keselamatan dan usaha-usaha untuk mengurangkan kemalangan menjadi kosong, dan juga butir-butir 5S (pengasingan, penyusunan ikut tempat, pembersihan ikut sistem, penstandardan, dan pengekalan disiplin). Sebagai seorang presiden, saya berasa paling gembira bertemu dengan pekerja-pekerja kami yang bertenaga. Sudah tentu kami akan meneruskan aktiviti ini di masa akan datang, dalam usaha untuk menggunakan maklum balas pekerja bagi pengurusan CSR.

Dalam usaha untuk terus mengekalkan Kumpulan Lintec dan masyarakat, adalah penting bagi semua pekerja mengenal pasti isu-isu sosial yang berkaitan dengan pekerjaan mereka dan mengambil tindakan-tindakan yang perlu untuk mengemukakannya. Walau bagaimanapun, pertama, kami mesti memastikan bahawa pekerja-pekerja boleh menjalankan tugas mereka dengan penuh keyakinan dan dapat mencapai kepuasan bekerja, dan juga, dapat meluangkan masa yang cukup bersama keluarga mereka. Saya akan terus menumpukan kepada pembinaan persekitaran di mana semua pekerja Kumpulan Lintec boleh bergabung bersama untuk melaksanakan kegiatan-kegiatan CSR, berdasarkan moto syarikat iaitu “Keikhlasan dan Kreativiti”.

“Monozukuri” (manufaktur) peduli lingkungan yang dapat dilakukan pada saat ini untuk generasi berikutnya.

Sebagai prinsip dasar LINTEC, yang merupakan dasarnya _____.

Adalah “monozukuri” (pembuat /manufaktur). LINTEC memikirkan untuk memenuhi tanggung jawab sosialnya melalui “monozukuri” yang peduli lingkungan.

Dalam Fitur ini, pertama-tama dengan “Proses Tanpa Solvent”, kami memperkenalkan penerapan terhadap lingkungan LINTEC.



Teknologi asas bagi bahan pelekat dan penanggal yang digunakan dalam kehidupan seharian

Label dan pelekat yang melekat dengan kuat dan boleh tanggal dengan mudah – produk ini mewakili teknologi asas Lintec dan merupakan asas mutu ketukangannya.


Mari kita teliti produk utama Lintec, produk pelekat yang berkaitan dengan pencetakan. Produk tersebut terdiri daripada tiga lapisan: bahan dasar permukaan di mana pencetakan dibuat, pelekat untuk menjadikannya melekat dengan kuat, dan bahan yang dikeluarkan untuk melindungi pelekat dan menambah keupayaan prosesnya. Pelekat tersebut digunakan di belakang bahan dasar permukaan itu, dan kertas pelepas atau filem digunakan untuk lapisan yang dilepaskan supaya mudah ditanggalkan. Bertindak bersama, dua bahan tersebut memainkan peranan yang penting.

Dengan memastikan bahan dasar permukaan melekat dengan kuat, dan bahan yang dilepaskan dapat ditanggalkan dengan mudah – perkara ini adalah dua faktor yang menentukan mutu pelekat dan label.



Kegunaan bagi produk pelekat yang berkaitan dengan percetakan Lintec

Pembinaan label



Terdapat banyak jenis yang sesuai untuk bahan-bahan bagi setiap satu lapisan dalam tiga lapisan tersebut (bahan dasar permukaan, pelekat dan bahan pelepas). Bahan label dicipta apabila gabungan bahan-bahan ini memenuhi keperluan pelaksanaan.

Dengan mengawal kedua-dua fungsi dengan tepat iaitu fungsi lekat dan tanggal, Lintec boleh membekalkan pelbagai jenis produk yang dapat memenuhi keperluan masyarakat.

Berusaha bersungguh-sungguh memajukan produk bebas pelarut untuk perlindungan mesra alam sekitar

Tatsuya Tsukida, Pengurus Besar Pusat Penyelidikan Lintec, menerangkan bagaimana toluene pelarut organik dan ethyl acetate memainkan peranan penting dalam proses perkembangan dan pengeluaran pelekat dan kertas pelepas. Sebagaimana digambarkan oleh namanya, pelarut organik adalah bahan cecair yang terjadi dengan sendirinya yang boleh melarutkan bahan-bahan lain. Bahan-bahan ini adalah sangat berguna untuk membuat produk pelekat yang berkaitan dengan pencetakan, kerana bahan-bahan ini memudahkan proses mensintesis dan menggabung bahan-bahan pada peringkat molekul dalam proses mereka-bentuk produk.

Oleh kerana bahan pelepas pada kertas pelepas mesti digunakan dengan nipis dan rata sahaja di peringkat mikron (satu per seribu daripada satu milimeter), dan untuk meningkatkan keupayaan bekerja dalam proses pembuatan, bahan pelepas tersebut perlu dicairkan dengan pelarut organik.

“Walau bagaimanapun, pelarut organik menyebat dan lenyap menjadi gas, yang mana meninggalkan kesan besar terhadap alam



sekitar. Maka, sejak tahun 1994, Lintec terus mengukuhkan daya usahanya untuk mengurangkan pengeluaran udara gas pelarut yang terjadi daripada proses pengeluarannya.


Namun demikian, cara yang paling baik untuk mengurangkan kesan terhadap alam sekitar adalah dengan mengembangkan dan mengeluarkan produk yang tidak menggunakan bahan pelarut sama sekali. Mengemukakan proses perkilangan yang bebas pelarut merupakan salah satu tema R&D Lintec yang utama. Sebagai seorang penyelidik di dalam bidang ini, saya telah menghabiskan banyak masa menyelidik produk bebas pelarut sejak bekerja dengan syarikat ini.” (Tsukida)

Berbulan-bulan menjalankan percubaan telah menghasilkan satu kejayaan cemerlang dengan tidak sengaja

Dalam usaha untuk menjadikan perkilangan bebas pelarut satu kenyataan, Lintec telah memberi tumpuan terhadap teknologi pengemulsian^{*1}. Pengemulsian guna air sebagai ganti pelarut untuk mencairkan atau mensintesiskan bahan-bahan.

“Alangkah dari sudut pandangan perkilangan mesra alam sekitar, produk bebas pelarut telah menjadi tema seluruh syarikat. Ketika saya menjalankan penyelidikan bebas pelarut, saya menerima panggilan telefon daripada pegawai syarikat memberi saya galakan pada setiap hari. Walau bagaimanapun, saya terpaksa mengatasi beberapa halangan agar teknologi tersebut menjadi kenyataan.” (Tsukida)

Kandungan Pelekat berdasarkan Emulsi



^{*1} Emulsi adalah titisan kecil penyebaran halus satu cairan di dalam cairan lain, yang tidak larut. Contohnya, termasuk susu dan mayones.

Satu halangan besar adalah perkembangan pelekat filem, yang memerlukan kedua-dua faktor iaitu boleh melekat dengan kuat dan lut sinar yang tinggi. Kejayaan cemerlang perkembangan berlaku dengan tidak sengaja.

“Pada suatu hari, semasa saya sedang menguji pelekat keretas, saya mencubanya pada filem yang terdapat di situ. Hasilnya tidak disangka begitu baik jadinya dan saya sedar perkara ini mungkin satu kejayaan cemerlang” (Tsukida)

Dengan terus kekal memajukan R&D menjadi pemilikan seperti tahan air, kuasa melekat, kesamaan dan lut sinar, penyelidik Lintec pertama berjaya membuat produk kertas bebas pelarut generic menjadi kenyataan. Selepas itu, teknologinya berkembang di mana produk berfungsi tinggi pula menjadi kenyataan melalui kemajuan yang terus kekal.

Walaupun demikian, perkembangan produk yang maju tidak berguna kecuali produk tersebut digunakan oleh pelanggan dan digunakan oleh masyarakat. Maka, selari dengan perkembangan teknologi baru untuk membuat produk bebas pelarut, pengurangan kos juga menjadi satu matlamat yang penting.

Maka, jabatan R&D mesti bekerja rapat dengan jabatan pengeluaran supaya dapat menyahut cabaran. Koji Koyama, Pengurus Besar Jabatan Pengeluaran, tidak lupa situasi tersebut.

“Selain R&D, pembaharuan dalam proses pengeluaran adalah kunci utama dalam penciptaan produk bebas pelarut. Soalannya, bagaimana hendak memperbaik keupayaan bekerja dan merendahkan kos. Pertama sekali, kami bermula dengan membaiki peralatan yang sedia ada.” (Koyama)

Satu proses percubaan baharu pun bermula.

Tatsuya Tsukida

Pengurus Besar, Pusat Penyelidikan
Pengurus, Jabatan Penyelidikan Produk
Bahagian Penyelidikan & Pembangunan





Peratus produk pelekat dan kertas pelepas berkaitan dengan pencetakan bebas pelarut



Kemajuan yang berterusan menggunakan maklum balas daripada operator di barisan hadapan

Mesin penyalut terletak di tengah-tengah proses pengeluaran bagi produk pelekat, kerana ia menggunakan pelekat atau bahan pelepas pada bahan dasar seperti kertas dan filem. Pelekat mesti digunakan pada kelajuan yang tinggi di lapisan nipis yang sama. Sekiranya tompok-tompok tidak rata terjadi atau udara bercampur di dalamnya, kecacatan boleh berlaku dan menjelaskan kebolehpercayaan produk.

Keupayaan bekerja adalah satu syarat yang penting supaya kecekapan pengeluaran yang tinggi dan kos yang rendah dapat menjadi kenyataan. Maka, adalah perlu untuk memperbaik kelajuan pengendalian dan seting mudah bagi mesin penyalut.

"Sebagai orang yang mempunyai pengetahuan ulung dalam proses pengeluaran, operator barisan depan adalah sumber utama dalam perkembangan mesin penyalut. Mereka diperlukan supaya produk bebas pelarut menjadi kenyataan. Terima kasih kepada maklum balas, kami dapat menyelesaikan masalah, satu demi satu." (Koyama)

Melalui proses pembaharuan ini, sebuah mesin penyalut yang baru dicipta telah diperkenalkan pada tahun 2004. Ia telah menunjukkan puncak mutu ketukangan Lintec.

"Mutu ketukangan Lintec disokong oleh teknologi dan orang ramai, satu kenyataan yang tetap kekal selama ini. Perkembangan produk bebas pelarut adalah hasil semulajadi perkara ini." (Koyama)

Dalam tahun fiskal 2012, 68% produk pelekat yang berkaitan dengan percetakan yang dijual oleh Lintec adalah bebas pelarut. Produk bebas pelarut juga digunakan untuk pelekat yang dilekatkan pada minuman dan tin-tin yang lain dan juga bagi label tarikh luput untuk telur. Produk mesra alam sekitar di seluruh syarikat yang telah diusahakan telah memainkan peranan yang aktif dalam kehidupan manusia.

Koji Koyama

Pengarah, Pegawai Eksekutif Pengurusan Pengurusan Besar, Bahagian Pengeluaran Bertugas di Bahagian Jaminan Mutu & Perlindungan Alam Sekitar



Pelbagai daya usaha alam sekitar untuk proses perkilangan seluruhnya

Lintec sedang meneruskan peralihannya ke arah produk bebas pelarut, dan akan terus meluaskan jenis produknya ke tahap kemampuannya yang maksima. Walaupun bagi produknya yang memerlukan pelarut organik, Lintec sedang mengurangkan pengeluaran gas pelarutnya di dalam proses pengeluarannya, dan ia berusaha untuk mengurangkan kesan ke atas alam sekitar. Khususnya, peralatan pemprosesan gas ekzos telah diperkenalkan secara progresif sejak tahun 1994. Syarikat kini memproses pengeluaran pelarut organik dari semua mesin penyalutnya di Jepun.


"Daya usaha perkilangan alam sekitar Lintec tidak terhad kepada produk bebas pelarut. Pelbagai kegiatan alam sekitar yang lain sedang dilaksanakan di loji. Sebahagian besar daripada usaha ini melibatkan pengurangan pengeluaran CO₂. Selain menukar bahan api dandang dari minyak berat perlakan ke gas utiliti dan gas asli cecair (LNG), yang mempunyai pengeluaran CO₂ yang rendah, kami menggunakan semula haba buangan yang dijana oleh proses pengeluaran."

Beginilah caranya, Yoshiyuki Yamato, Pengurus Besar Bahagian Jaminan Mutu & Perlindungan Alam Sekitar, menggambarkan kegiatan Lintec untuk mengurangkan kesan terhadap alam sekitar. Tambahan pula, kegiatan pengurangan kesan ini diluaskan dari pemerolahan bahan mentah ke pembuangan dan pengitaran semula produk, menjangkau seluruh pengendalian Lintec.

"Dalam perkataan lain, kegiatan alam sekitar kami adalah berdasarkan penilaian pusingan hidup produk (LCA).^{*2} Walaupun kami telah menggunakan LCA buat sementara waktu, Jawatankuasa Pemeliharaan Alam Sekitar kini sedang menyelidik kegiatan baru." (Yamato)

Objektifnya adalah untuk menyediakan garis panduan yang mudah difahami bagi pelaksanaan LCA. Lintec sedang mempromosi garis panduan yang memudahkan kakitangan untuk membuat kepastian, sebagai contoh, bahan mentah yang bagaimana perlu dipilih dalam tahap mereka-bentuk produk untuk mengurangkan kesan ke atas alam sekitar.

*2 LCA: satu cara untuk penilaian kesan terhadap alam sekitar secara menyeluruh dengan mengira butir seperti banyaknya tenaga dan pemasukan air, banyaknya bahan mentah yang digunakan dan jumlah CO₂ serta bahan kimia yang berbahaya yang dikeluarkan sepanjang pusingan hidup produk.



Langkah-langkah untuk mengurangkan kesan terhadap alam sekitar
Kiri: Dandang buangan haba di Loji Doi Kanan: Kemudahan satelit LNG di Loji Mishima

Bermatlamat ke arah satu pertumbuhan yang kekal dan membekalkan perkilangan mesra alam sekitar untuk generasi yang akan datang

Sebagai tambahan produk bebas pelarut, Lintec telah mengeluarkan produk mesra alam sekitar di pelbagai bidang. Sebagai contoh, filem tingkap WINCOS menjimatkan tenaga, dan pada masa yang sama menyekat radiasi solar serta gelas yang tahan berkecaci. Label KINATH menggambarkan bahan dasar permukaan plastik yang sesuai dengan bekas plastik di mana ia digunakan, untuk memudahkan pengitaran semula. Lintec juga membuat kertas bingkai untuk bahan komposit fiber, yang membekalkan pemilikan kecil dan jimat tenaga untuk pembinaan fulusaj pesawat. Maka, teknologi Lintec memainkan peranan yang tidak kelihatan tetapi sangat penting. Kini, syarikat juga mempromosi R&D dalam jangka masa lima hingga sepuluh tahun.

Selama ini, titik permulaan bagi Lintec selalunya teknologi dan manusia.

Dengan menyatakan idea orang ramai, Lintec mempunyai matlamat untuk membangunkan perkilangan generasi yang akan datang. Dan lagi, Pejabat Pengurusan CSR mengekalkan dialog bersama kakitangan di pelbagai jabatan dan telah mula mengadakan Pertemuan CSR dalam usaha untuk mendapatkan idea bagi pertumbuhan yang kekal.

Yoshiyuki Yamato

Pegawai Eksekutif Pengurusan Pengurus Besar, Bahagian Jaminan Mutu & Perlindungan Alam Sekitar

Close Up

Produk alam sekitar prinsip Lintec

Filem Arkitek WINCOS (lut sinar) digunakan pada tingkap untuk menjimatkan tenaga elektrik di dalam bangunan. Walaupun dengan kuasa lut sinar yang tinggi, filem tersebut boleh mengurangkan transmisi haba solar sebanyak 35% hingga 63%, dan dengan itu membuat kecekapan penyejukan bertambah baik selain dapat menjimatkan tenaga dengan begitu ketara sekali.

Lintec membuat kertas pelekat yang tidak berintegrasi sama sekali dengan pelekat yang boleh dihancurkan dalam pengitaran semula kertas. Syarikat juga mempunyai pelbagai jenis bahan pelekat yang dibuat untuk bekas-bekas yang boleh digunakan semula dan dikitar semula, termasuk siri REPOP, yang melekat dengan kuat dan boleh tanggal dengan bersihnya.

Hiroyuki Nishio adalah Pengurus Besar Pejabat Pengurusan CSR yang mempromosi usaha ini. "Walaupun pertemuan CSR baru sahaja bermula, matlamatnya adalah untuk berusaha ke arah satu penyelesaian di dalam perniagaan asas dengan mengenalpasti isu-isu sosial dan masalah, dan mencipta satu visi untuk sebuah masyarakat yang kekal."

"Kami mahukan peluang-peluang ini menuju ke arah pertumbuhan yang kekal bagi syarikat dan masyarakat, dan membangunkan perkilangan generasi akan datang." (Nishio)

Lintec akan terus berusaha bersungguh-sungguh dalam pembuatan yang kekal di masa akan datang.

Hiroyuki Nishio

Pengarah, Pegawai Eksekutif Pengurusan Pengurus Besar, Pejabat Stratejik Korporat dan Pejabat Pengurusan CSR
Bertugas di Bahagian Kos Pembaharuan Semula



CSR Lintec

CSR Lintec berdasarkan moto syarikat iaitu "Keikhlasan dan Kreativiti".

Semua kakitangan syarikat ini menjalankan aktiviti CSR berdasarkan moto ini.

CSR dan Pemegang amanah harta Lintec

Perniagaan Kumpulan Lintec disokong oleh ramai pemegang amanah harta. Untuk memastikan perniagaan dan masyarakat, kedua-duanya dapat terus kekal, kami mesti mendengar dengan seikhlasnya apa kata pemegang-pemegang amanah harta di seluruh dunia dan menggunakan maklum balas ini untuk kegiatan-kegiatan kumpulan CSR. Dua tahun telah pun berlalu sejak Lintec menyertai Perjanjian Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dalam bulan April 2011. Kini kumpulan ini berhasrat untuk menggalakkan pengurusan CSR yang lebih kuat lagi, dengan merujuk juga kepada standard ISO 26000 antarabangsa bagi tanggungjawab sosial.

Perjanjian Global Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu – Sepuluh Dasar

● Hak Asasi Manusia

Dasar 1: Urus niaga harus menyokong dan menghormati perlindungan hak asasi manusia yang diisytiharkan di peringkat antarabangsa, dan
Dasar 2: memastikan urus niaga tidak terlibat dalam penyalahgunaan hak asasi manusia.

● Tenaga Buruh

Dasar 3: Urus niaga harus mendukung kebebasan persatuan dan pengakuan yang hakiki berhubung dengan hak terhadap tawar-menawar kolektif;
Dasar 4: pembasmian sebarang bentuk buruh paksaan dan buruh wajib;
Dasar 5: penghapusan yang berkesan terhadap tenaga buruh kanak-kanak, dan
Dasar 6: penghapusan diskriminasi dari segi pengambilan tenaga buruh dan pekerjaan.

● Alam Sekitar

Dasar 7: Urus niaga harus menyokong suatu pendekatan mencegah cabaran terhadap alam sekitar;
Dasar 8: mengambil daya usaha untuk meningkatkan lagi tanggungjawab terhadap alam sekitar, dan
Dasar 9: menggalakkan perkembangan dan penyebaran teknologi mesra alam sekitar.

● Antirasuah

Dasar 10: Urus niaga harus menentang rasuah dalam apa bentuk sekalipun, termasuk pemerasan, pemberian dan penerimaan rasuah.

Kami akan cuba menyediakan bekalan produk yang stabil, menjaga mutu dan memperbaik perkhidmatan demi memenuhi harapan pelanggan dan memperoleh kepercayaan.

Kami berhasrat untuk menikmati keharmonian di antara kegiatan korporat dan persekitaran global dan akan berusaha bersungguh-sungguh untuk mengurangkan kesan terhadap alam sekitar.



ISO 26000: Tujuh Perkara Asas bagi Tanggungjawab Sosial

Pihak berkuasa organisasi	Hak asasi manusia	Amalan-amalan tenaga buruh	Alam Sekitar
Amalan-amalan operasi yang adil	Isu-isu pelanggan	Penglibatan dan pembangunan masyarakat	

Close Up

Mengadakan Sesi Dialog CSR dalam syarikat

Satu persefahaman bersama terhadap CSR yang tersemai di dalam moto syarikat telah digalakkan di kawasan Kumpulan Lintec di seluruh dunia. Di antara bulan November 2011 dan bulan Jun 2012, Pejabat Pengurusan CSR telah mengadakan taklimat CSR di 12 buah kumpulan syarikat di rantau Asia, luar dari negara Jepun, dan di 5 buah syarikat di Amerika

Utara dan Eropah. Langkah selanjutnya telah diusahakan dalam tahun fiskal 2012, di mana sesi dialog antara-jabatan telah diadakan. Perkara ini telah membolehkan pengurus syarikat menjalankan penyiasatan terhadap "CSR yang proaktif," di mana isu-isu sosial telah dikemukakan melalui kegiatan-kegiatan perniagaan Lintec.

Pendapat dan teguran para peserta

- Dalam usaha untuk menyelesaikan isu-isu sosial melalui kegiatan-kegiatan perniagaan asas, Kumpulan Lintec perlu mempunyai satu contoh perniagaan membuat untung. Walaupun terdapat beberapa idea pembaharuan pada masa ini untuk manfaat sosial, itu tersebut adalah bagaimana hendak menjadikannya berfaedah, dan kita mesti menyahut cabaran ini.
- Sementara penggunaan di Jepun kekal lembap, saya kini berasa bahawa adalah berfaedah juga untuk memeriksa potensi pasaran-pasaran pendapatan rendah dan juga perniagaan BOP*3 di luar negeri. Walaupun dengan produk yang

ada sekarang ini, kami mungkin dapat menyelesaikan isu-isu sosial dalam pasaran yang berbeza. Sesi ini menyedarkan saya bahawa sebagai tambahan kepada pembaharuan produk, kami juga perlu meninjau pasaran-pasaran baru.

- Kalau kita boleh memperbaik kedudukan kita dalam pandangan masyarakat melalui kegiatan-kegiatan CSR, saya fikir perkara ini dapat mencergaskan kegiatan-kegiatan kita. Dalam usaha untuk menggalakkan CSR proaktif, pelbagai pelaburan diperlukan. Saya amat gembira kalau syarikat mengenal pasti situasi ini dan memberi sokongan kepada kita.



Ahli jemputan: Pengurus bahagian dan para pegawai yang setaraf dengan mereka
Diadakan: 26hb November 2012 Peserta: 10 orang



Ahli jemputan: Ketua-ketua bahagian Pusat Pengajaran dan para pegawai yang setaraf dengan mereka
Diadakan: 21hb Mac 2013 Peserta: 10 orang



Ahli jemputan: Ketua-ketua bahagian Pusat Pengajaran dan para pegawai yang setaraf dengan mereka
Diadakan: 21hb Mac 2013 Peserta: 10 orang

*3 Tapak Piramid (Base of the Pyramid = BOP) merujuk kepada bahagian penduduk sejagat yang mempunyai pendapatan yang paling rendah. Perniagaan BOP ditujukan kepada bahagian ini.

Kegiatan-kegiatan CSR

Benar terhadap keunggulan moto syarikat ini, "Keikhlasan dan Kreativiti", Kumpulan Lintec berusaha bersungguh-sungguh untuk memastikan semua usaha korporat dihormati sepenuhnya. Di bawah ini adalah laporan mengenai usaha-usaha Kumpulan Lintec dan mengenai sistem-sistem yang membolehkan idea tersebut dipraktikkan dan dapat memberi sumbangan kepada masyarakat.

Kaji selidik atau tinjauan sejagat terhadap hak asasi manusia dan standard tenaga buruh

Mulai bulan Disember 2012 hingga bulan Januari 2013, Kumpulan Lintec telah meninjau semua kumpulan syarikat dan kawasan berkenaan dengan hak asasi manusia dan standard tenaga buruh. Sebagai tambahan demi untuk mengesahkan pematuhan dengan undang-undang dan peraturan yang berkaitan, tinjauan tersebut telah memeriksa persefahaman pekerja terhadap Garis Panduan Pematuhan Kumpulan Lintec, dan menjaga keselamatan dan kesihatan persekitaran tempat bekerja di mana hak asasi manusia yang asas dihormati. Tinjauan tetap akan terus dilaksanakan demi memastikan dan memperbaik pematuhan hak asasi manusia dan juga standard tenaga buruh.

Kegiatan-kegiatan oleh Lintec Korea untuk menyokong masyarakat tempatan

Lintec Korea terlibat di dalam pelbagai kegiatan CSR. Sebagai contoh, syarikat tersebut membekalkan sebahagian bantuan kewangan untuk pelajar universiti yang tidak beruntung, yang dibesarkan oleh datuk dan nenek mereka, melalui kumpulan sukarela dalam syarikat. Kegiatan-kegiatan lain termasuk kegiatan bulanan membersihkan kawasan tetangga sekitar loji dan mendermakan briquet arang batu kepada mereka yang menerima bantuan sosial untuk memanaskan mereka.

Sukarelawan dari Lintec Korea dan syarikat-syarikat tempatan juga melawat rumah orang tua yang berdekatan pada Tahun Baru dan Perayaan Pertengahan Musim Luruh,*4 dan membawa hadiah seperti buah-buahan untuk mereka.



Hadiyah Tahun Baru untuk orang tua

Lintec Korea menjalankan kegiatan membersihkan lorong jalan kedai-kedai tempatan, tempat membeli-belah pada setiap bulan. Bukan sahaja kawasan tetangga menjadi lebih bersih, tetapi kebakaran ini orang yang lalu-lalang di situ juga telah memuji usaha kami. Dengan meningkatkan interaksi kami dengan orang tempatan di lorong jalan kedai-kedai tempat membeli-belah ini, amalan tersebut telah menjadi satu kegiatan yang bermakna. Kami akan terus membantu masyarakat dengan cara ini.

Sang-Hyeon Song

Pengurus
Bahagian Teknologi Pengeluaran
Jabatan Pengeluaran
Lintec Korea, Inc.



*4 Hari Cuti di Korea pada hari yang kelima belas bulan lapan mengikut kalender lunar. Orang ramai menziarahi kubur dan mengadakan upacara sembahyang bagi nenek moyang mereka.

Menghormati hak asasi manusia dan perbezaan

Pekerja-pekerja Kumpulan Lintec telah bersama-sama berusaha berdasarkan moto syarikat "Keikhlasan dan Kreativiti." Untuk memastikan semua pekerja mendapat kerja mereka benar-benar memberi kepuasan, kumpulan ini menghormati perbezaan^{*5} setiap pekerja dan melarang sebarang bentuk diskriminasi, termasuk yang berdasarkan bangsa, agama, jantina, pendidikan, kerakyatan atau umur. Lintec turut serta dalam Perjanjian Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, yang menegah penggunaan tenaga buruh kanak-kanak dan tenaga buruh paksa, dalam tahun 2011. Kumpulan tersebut bermatlamat untuk meneruskan pertumbuhan berdasarkan perasaan saling hormat menghormati dan saling faham memahami di antara semua pekerja.

Pekerjaan



Pekerja-pekerja di kumpulan syarikat-syarikat di luar Jepun



* Skop: 10 kumpulan syarikat di luar Jepun (mulai 31hb Disember 2012)
* Pekerja Jepun yang diambil bekerja di tempat sendiri termasuk dalam jumlah pekerja tempatan
* Pekerja-pekerja Jepun menunjukkan pekerja-pekerja yang dipindahkan dari Jepun

Di Jerman, alam pekerjaan dan hal peribadi diasingkan, dan di negara itu terdapat rasa hormat terhadap hak asasi manusia serta perbezaannya. Maka, persekitaran kerja menyokong kedua-duanya, baik pekerja lelaki maupun pekerja wanita.

Langkah-langkah untuk memastikan peluang yang sama diberikan kepada lelaki dan wanita adalah lebih kuat di Jerman berbanding dengan di Jepun.

Maki Taniguchi

Pengurus Besar
Hal Ehwal Perundangan & Jabatan Sumber
Tenaga Manusia
Lintec Advanced Technologies (Europe) GmbH



*5 Menghormati perbezaan: Dengan menghormati perbezaan antara kita sesama manusia atau antara kumpulan, orang yang layak berada di tempat yang sewajarnya boleh menunjukkan kebolehan seseorang itu, masalah boleh diselesaikan dari pelbagai sudut dan dapat menggalakkan penghasilan idea yang unik.

*6 10 kumpulan syarikat-syarikat di luar Jepun: Lintec (Suzhou) Tech Corporation, Lintec (Tianjin) Industry Co., Ltd., Lintec Speciality Films (Taiwan), Inc., Lintec Korea, Inc., Lintec Speciality Films (Korea), Inc., PT. Lintec Indonesia, Lintec Industries (Malaysia) Sdn. Bhd., Lintec Industries (Sarawak) Sdn. Bhd., Lintec Singapore Private Limited, dan Madico, Inc.

Sistem Pengurusan Alam Sekitar: Usaha-usaha untuk memperoleh pengiktirafan integrasi

Dalam bulan Oktober 2008, Kumpulan Lintec memperoleh pengiktirafan integrasi untuk ibu pejabat, 10 buah loji di Jepun, Pusat Penyelidikan, dan Tokyo Lintec Kako. Kumpulan ini juga berusaha ke arah memasukkan syarikatnya di luar Jepun ke dalam pengiktirafan integrasinya.*7 Dalam bulan Januari 2013, pengiktirafan integrasi telah selesai untuk tujuh kumpulan syarikat, termasuk Lintec Singapore dan Madico. Dengan bermatlamat untuk membina satu sistem pengurusan persekitaran sejagat, Kumpulan Lintec akan terus berusaha mendapatkan pengiktirafan integrasi global untuk syarikat-syarikatnya di luar Jepun, disamping menggalakkan kegiatan-kegiatan memelihara alam sekitar dalam kumpulan dengan aktifnya.

Memperoleh pengiktirafan integrasi melalui Bantuan Kawasan-kawasan Kumpulan

Dalam bulan Januari 2013, Lintec Singapore mendapat pengiktirafan integrasi global ISO14001. Walaupun terdapat kesulitan oleh kerana sistem perundangan yang berbeza di dalam negara dan di kawasan di mana organisasi berkenaan itu terletak, setiap kawasan kumpulan itu menyediakan bantuan yang diperlukan. Kami akan terus menggalakkan kegiatan-kegiatan memelihara alam sekitar di masa-masa akan datang.

May Lee

Penolong Pengurus
Kumpulan Produk Pelekat
Lintec Singapore Private Limited



Aktiviti-aktiviti alam sekitar 10 buah syarikat kumpulan luar negeri

Kumpulan Lintec berusaha mengadakan kegiatan melindungi alam sekitar di kumpulan syarikat di luar Jepun untuk memenuhi tanggungjawabnya sebagai sebuah syarikat global.

LINTEC (SUZHOU) TECH CORPORATION

Buat masa ini, syarikat sedang menjalankan ujian lapangan ke atas beberapa penyalut sawar terma untuk mencegah kenaikan suhu di dalam bangunan, mengurangkan beban menyekujukan bangunan, dan melindungi bangunan itu. Syarikat juga merancang untuk memulakan penyalut terma bagi bangunan kilang yang pertama dalam tahun fiskal 2013. Perkara ini dijangka mempunyai faedah penjimatatan tenaga yang ketara dan juga dapat mengurangkan pengeluaran CO₂.



Ujian lapangan penyalut terma

- Gambaran Keseluruhan Syarikat
Lokasi: Daerah Baru Suzhou, Wilayah Jiangsu, China
Jumlah Pekerja: 221 orang (mulai 31hb Disember 2012)
- Kegiatan perniagaan utama: pengeluaran dan penjualan bahan-bahan pencetakan, bahan-bahan industri, dan produk berkaitan dengan kertas dan bahan memproses

Pengurusan Keselamatan di Lintec Korea

Lintec Korea melaksanakan kegiatan-kegiatan pengurusan keselamatan yang terperinci bagi bahan-bahan yang merbahaya, dan ia telah berjaya mengekalkan rekod kejadian kemalangan di kawasan tersebut pada angka kosong sejak ia ditubuhkan. Dalam bulan November 2012, Jang Dae-Jung, pengurus keselamatan bagi bahan merbahaya, telah menerima penghargaan dari Jabatan Bomba Cheongju Timur dan mendapat cemerlang dalam pengurusan keselamatan bahan merbahaya. Syarikat akan terus mengendalikan pengurusan keselamatan bahan merbahaya dengan rasa kesedaran yang tinggi terhadap keselamatan dan perasaan bertanggungjawab.



Menerima penghargaan dan kepujian tinggi dalam pengurusan keselamatan bahan merbahaya

LINTEC (TIANJIN) INDUSTRY CO., LTD.

Syarikat mengadakan sesi belajar bagi semua pekerjaannya untuk menggalakkan persefahaman pengurusan CSR dalam Kumpulan Lintec. Dalam tahun fiskal 2012, sesi belajar yang bertajuk, "Apa CSR?" telah diadakan, dan pekerja dapat belajar bahawa langkah-langkah alam sekitar merupakan inisiatif CSR yang penting. Kegiatan pembelajaran ini akan diteruskan di masa-masa akan datang.




Sesi belajar CSR dalam bulan April 2012

- Gambaran Keseluruhan Syarikat
Lokasi: Nankai District, Tianjin, China
Jumlah Pekerja: 224 orang (mulai 31hb Disember 2012)
- Aktiviti-aktiviti perniagaan utama: Pembuatan dan penjualan produk yang berkaitan dengan bahan-bahan pencetakan dan bahan-bahan perusahaan

LINTEC SPECIALITY FILMS (TAIWAN), INC.

Dalam tahun fiskal 2010, syarikat telah memasang alat pengawasan dan pengukuran automatik untuk VOCs dan telah melaporkan hasil pengawasannya kepada Pentadbiran Memelihara Alam Sekitar sekali setiap tahun. Ia juga mengurangkan pengeluaran bahan buangan dengan memperbaik kadar keluaran dalam proses pengeluaran dan bahan sumber pengitaran semula melalui usaha mengasingan bahan buangan. Dalam tahun fiskal 2012, ia mula menggunakan Cahaya LED, sementara pada masa yang sama ia berusaha mengurangkan penggunaan kuasa elektrik.



Menukar lampu pejabat ke LED

- Gambaran Keseluruhan Syarikat
Lokasi: Shanhua District, Tainan City, Taiwan
Jumlah Pekerja: 92 orang (mulai 31hb Disember 2012)
- Aktiviti-aktiviti perniagaan utama: Pembuatan dan penjualan produk yang berkaitan dengan elektronik dan optik

LINTEC KOREA, INC.


Dalam bulan Mei 2012, syarikat mengurangkan penggunaan tenaga elektrik dan wap dengan memasang alat pembalik berkecekapan tinggi untuk empat unit alat hawa dingin yang menggunakan banyak tenaga, dan menyesuaikan kepadatan putaran udara. Alat pembalik juga dipasang untuk 13 buah unit alat hawa dingin dalam tahun 2013, dan langkah-langkah menjimat-tenaga seterusnya akan dijalankan di masa-masa akan datang.



Alat hawa dingin dengan alat pembalik berkecekapan tinggi dipasangkan.

- Gambaran Keseluruhan Syarikat
Lokasi: Cheongwon-Gun, Chungcheongbuk-Do, Utara Korea
Jumlah Pekerja: 71 orang (mulai 31hb Disember 2012)
- Aktiviti-aktiviti perniagaan utama: Pembuatan dan penjualan produk yang berkaitan dengan elektronik dan optik

*7 Pengiktirafan integrasi global ISO 14001: pengiktirafan ISO 14001 dengan penggabungan beberapa kawasan perniagaan di seluruh dunia sebagai sebuah organisasi tunggal.



LINTEC SPECIALITY FILMS (KOREA), INC.

Pada bulan Januari, 2012, syarikat Lintec mula mengasingkan dan mengitar semula sampah di pejabat bukan sahaja sampah atau bahan buangan hasil pengeluaran. Matlamat syarikat adalah untuk meningkatkan kadar pengitaran semula sampah dan bahan buangan syarikat, sebagai sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat.



Mengasingkan sampah-sarap untuk dikitar semula

- Gambaran Keseluruhan Syarikat
Lokasi: Pyeongtaek, Wilayah Gyeonggi, Korea
Jumlah Pekerja: 119 orang (mulai 31hb Disember 2012)
- Aktiviti-aktiviti perniagaan utama:
Pembuatan dan penjualan produk yang berkaitan dengan elektronik dan optik

PT. LINTEC INDONESIA

Lintec Indonesia telah mula mengitar semula sampah kertas dalam bulan April 2012. Sampah kertas dibawa ke pengitaran semula kertas, dan fail-fail kotak dan produk yang lain yang dibuat daripada kertas kitar semula dikembalikan semula ke pejabat Lintec Indonesia. Kesedaran terhadap alam sekitar di kalangan pekerja telah ditingkatkan melalui kegiatan yang tidak asing lagi seperti ini.



Fail kotak yang dibuat daripada kertas kitar semula

- Gambaran Keseluruhan Syarikat
Lokasi: Bogor, Java Barat, Indonesia
Jumlah Pekerja: 346 orang (mulai 31hb Disember 2012)
- Aktiviti-aktiviti perniagaan utama:
Pembuatan dan penjualan produk yang berkaitan dengan bahan-bahan pencetakan dan bahan-bahan perusahaan

LINTEC INDUSTRIES (MALAYSIA) SDN. BHD.

Dalam bulan April 2012, syarikat telah membuat bebola lumpur dan melontarkannya ke dalam laut dalam usaha untuk membersihkan air laut. Bebola tersebut mengandungi mikroorganisma*⁸ yang mana boleh memecahkan mendapan di dalam lautan. Syarikat akan terus mendalami pengetahuan-nya berhubung dengan kualiti air yang perlu dilindungi, sementara ia terus ingin menikmati kemewahan hidup bersama masyarakat tempatan.



Meningkatkan kualiti air dengan bebola lumpur

- Gambaran Keseluruhan Syarikat
Lokasi: Bukit Mertajam, Pulau Pinang, Malaysia
Jumlah Pekerja: 88 orang (mulai 31hb Disember 2012)
- Aktiviti-aktiviti perniagaan utama:
Pembuatan dan penjualan produk yang berkaitan dengan elektronik dan optik

LINTEC INDUSTRIES (SARAWAK) SDN. BHD.

Lintec Industries (Sarawak) telah mencapai pengiktirafan ISO 14001 yang tersendiri dalam bulan November 2012, di bawah pimpinan kuat mereka yang terlibat. Dengan mempunyai matlamat pengiktirafan integrasi global dalam tahun 2013, syarikat menggalakkan lebih banyak lagi daya usaha alam sekitar.



Latihan sebagai sebahagian perolehan ISO 14001

- Gambaran Keseluruhan Syarikat
Lokasi: Kuching, Sarawak, Malaysia
Jumlah Pekerja: 27 orang (mulai 31hb Disember 2012)
- Aktiviti-aktiviti perniagaan utama:
Pembuatan dan penjualan produk yang berkaitan dengan elektronik dan optik

LINTEC SINGAPORE PRIVATE LIMITED

Dalam bulan Januari 2013, syarikat mendapat pengiktirafan integrasi global ISO14001, buat pertama kali pencapaian yang seumpama itu diperoleh oleh syarikat jualan Kumpulan Lintec. Syarikat akan terus meningkatkan kesedaran persekitaran di kalangan pekerjanya, sementara pada masa yang sama ia akan cuba mengurangkan penggunaan tenaga dan jumlah bahan buangan yang terhasil semasa memproses bahan.



Ahli-ahli kumpulan perolehan ISO 14001

- Gambaran Keseluruhan Syarikat
Lokasi: Cyberhub, Singapore
Jumlah Pekerja: 85 orang (mulai 31hb Disember 2012)
- Kegiatan perniagaan utama: pengeluaran dan penjualan produk yang berkaitan dengan bahan cetakan dan bahan industri dan produk yang ada kaitan dengan elektronik dan optikal

MADICO, INC.

Madico mendapat pengiktirafan integrasi global ISO14001 dalam bulan Januari 2013. Syarikat juga memberi latihan kepada semua pekerja mengenai konsep baharu sistem pengurusan alam sekitar. Daya usaha ini telah meningkatkan kesedaran terhadap alam sekitar di kalangan pekerjanya.



Kumpulan audit pengiktirafan ISO14001

- Gambaran Keseluruhan Syarikat
Lokasi: Woburn, Massachusetts, U.S.A.
Jumlah Pekerja: 295 orang (mulai 31hb Disember 2012)
- Kegiatan perniagaan utama:
Pengeluaran dan penjualan bahan cetakan dan bahan industri

*8 Mikroorganisma yang berkesan: Mikrob berkembang untuk pembaikan tanah. Satu campuran simbiotik asid laktik bakteria, yis, bakteria fotosintetik dan mikrob yang lain.

Pendapat Pihak Ketiga

Setelah saya membaca Laporan CSR Kumpulan Lintec 2013, dengan begitu teliti membandingkannya dengan isu-isu tahun-tahun yang sudah, saya dapat memastikan bahawa syarikat tetap terus dapat menggalakkan initiatif CSRnya selama ini. Saya juga dapat rasakan bahawa budaya korporat Lintec terus kekal menjadi semakin baik.

Komitmen yang bermula di peringkat tinggi dalam syarikat adalah penting untuk pengurusan CSR. Ini adalah kerana kegiatan-kegiatan CSR hanya boleh memberi erti dan dimaksimakan melalui usaha-usaha bersama syarikat keseluruhannya, bukan hanya satu-satu jabatan. Di dalam mesej beliau, presiden Lintec telah merujuk kepada dua kosa kata yang terdapat di dalam moto syarikat iaitu "keikhlasan" menunjukkan kegiatan CSR yang mempertahankan diri dan "kreativiti" sebagai kegiatan CSR yang proaktif. Saya suka melihat bagaimana beliau menerangkan pendekatan syarikat dalam bahasa yang mudah kepada pemegang amanah harta.

Perasmian Pertemuan CSR untuk membincang initiatif CSR yang proaktif, berdasarkan apa yang telah saya syorkan pada tahun lalu, merupakan satu langkah yang positif. Dengan mengembangkannya ke seluruh dunia pada masa akan datang, ia boleh menjadi pembuluh untuk kreativiti dari bawah ke atas. Saya berharap Lintec akan mendalami lagi perbincangan untuk menentukan masyarakat yang bagaimana harus kekal digalakkan menerusi "Keikhlasan dan Kreativiti", dan setelah itu berusaha ke arah mencapai matlamat tersebut.

Laporan CSR menunjukkan wajah pekerja-pekerja yang bertugas di setiap bidang, ditulis secara objektif, dan kelihatan baik keseluruhannya. Oleh kerana ia adalah penting untuk terus

Hiroyuki Tada

Japan for Sustainability

Ketua Pengarah NPO, Japan for Sustainability, profesor pelawat di Universiti Hosei, profesor di Sekolah Siswazah Pengajaran Alam Sekitar di Universiti Tohoku, dan ahli jawatankuasa di berbagai agensi kerajaan.



melaksanakan kitaran PDCA, maka adalah perlu mempunyai penilaian kayu ukur untuk perancangan dan pelaksanaan syarikat dan kesannya. Pada muka surat 12 dan 13, matlamat telah disenaraikan bagi setiap tema, tetapi tidak terdapat banyak isi kandungan seperti yang diharapkan. Lintec harus menggalakkan perbincangan dalaman, dan menghalusi penunjuk penilaianya supaya dapat rasa dengan lebih mendalam penilaian PDCA.

Dengan kejadian hujan lebat yang kerap berlaku di Jepun kebelakangan ini, kesan terhadap perubahan cuaca telah pun menjadi lebih ketara di banyak tempat di merata dunia. Perkara ini telah membuat isu global lebih mendesak. Maka dengan itu, Lintec harus membuat pengurangan pengeluaran CO₂ satu keutamaan yang tinggi, dan menetapkan matlamat tertentu bagi pengurangan pengeluaran yang sepenuhnya, dalam jangka masa pendek dan peringkat pertengahan. Dan juga, oleh kerana tidak ada sebarang penerangan mengenai kesan pengaliran bahan dan persekitaran pada muka surat 32, adalah sulit untuk pemegang amanah harta yang di luar untuk memahami penjelasan angka tersebut. Walaupun ini hanya merupakan satu contoh sahaja, bagi laporan berikutnya, adalah lebih penting untuk menggunakan cara penyampaian yang lebih berorientasikan pembaca.

Respons kepada Pendapat Pihak Ketiga

Hiroyuki Tada telah menyediakan pendapat pihak ketiga bagi isu 2012 dan 2013. Kami menghargai penghargaan beliau terhadap daya usaha kami yang bersifat realistik, yang juga selari dengan budaya korporat. Kami akan terus menggalakkan pengurusan CSR dengan aktif demi menyahut teguran beliau yang serius. Seluruh Kumpulan Lintec sama-sama berusaha terhadap initiatif CSR dalam usaha membantu mewujudkan sebuah masyarakat yang kekal. Pada masa yang sama, kami akan memeriksa penciptaan penunjuk mudah faham supaya pekerja dan orang ramai dapat memahami dan mengetahui kemajuan yang sebenar yang dinikmati oleh mereka.

Bagi matlamat alam sekitar yang dinyatakan oleh Encik Tada, walaupun kami mendedahkan matlamat satu tahun untuk

tahun 2014 dalam laporan 2013, tetapi dalam laporan 2014 nanti kami akan menyatakan matlamat peringkat pertengahan dan menggalakkan daya usaha ke arah pencapaian matlamat tersebut. Dan lagi, dengan mengkoordinasikan laporan versi ber cetak dan laman sawang, kami akan cuba menyatakan maklumat dari sudut pandangan pemegang amanah harta dan kami akan cuba elak sebarang kesililan semasa memberi penerangan.

Moto syarikat "Keikhlasan dan Kreativiti" telah membentuk dasar bagi perniagaan kumpulan. Kesemua pekerja akan terus berkongsi menggunakan pendekatan ini bersama-sama sementara melanjutkan lagi kegiatan CSR kami.

Akihiko Ouchi

President and CEO

Catatan tambahan penyunting

Dalam mesej presiden, beliau telah menerangkan bagaimana moto syarikat iaitu "Keikhlasan dan Kreativiti" telah membentuk pendekatan CSR Lintec, di mana "Keikhlasan" menunjukkan CSR yang mempertahankan diri dan "Kreativiti" menunjukkan CSR yang proaktif. Dalam bahagian yang kami ketengahkan, kami telah membuat profail usaha-usaha CSR melalui kegiatan perniagaan asas dan kemahiran, memberi tumpuan kepada usaha-usaha yang tetap, melakukan pengurangan terhadap kesan alam sekitar. Tema ini telah diperiksa dari sudut pembangunan, pengeluaran, jaminan mutu, dan pengurusan. Lintec akan terus memenuhi tanggungjawab sosialnya dengan menggalakkan pengeluaran yang memikirkan alam sekitar dan masyarakat supaya kedua-duanya dapat terus kekal.



"Laporan CSR 2013" ahli-ahli projek pengeluaran

Moto Syarikat

Keikhlasan dan Kreativiti

CSR Lintec berasaskan moto syarikat iaitu “Keikhlasan dan Kreativiti”. Ini merupakan cita-cita ideal kami.

“Keikhlasan” bererti memikirkan apa yang dapat dilakukan yang boleh menguntungkan dan dihargai. Dan menjalankan setiap tugas dengan sepenuh hati. “Kreativiti” bererti sentiasa bekerja demi membuat pembaharuan dan menjadikan lebih baik lagi, mencari nilai tambahan yang lebih besar tanpa berasa puas hati dengan status quo (apa yang ada).

Menunjukkan keutuhan kepada semua pemegang amanah harta dan bertindak sendiri menghadapi cabaran-cabaran baru berulang kali dengan tekad untuk membuat pembaharuan adalah detik permulaan bagi pengilang berdedikasi terhadap mutu ketukangan.

“Bermula dengan Keikhlasan dan kemudian menggunakan Kreativiti” merupakan pendekatan Lintec yang tidak berubah dan menjadi daya gerak yang menguatkan pertumbuhan yang kekal.

